

02/07/2001

Kuota 55 peratus jika keputusan cemerlang: PM

KUALA LUMPUR, Ahad - Pelajar Bumiputera yang diterima memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA), akan melebihi kuota 55 peratus jika mereka mencapai keputusan cemerlang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak mempunyai sebab untuk menolak kemasukan lebih ramai pelajar Bumiputera ke IPTA jika pencapaian mereka lebih cemerlang daripada pelajar bukan Bumiputera.

Justeru, katanya, pelajar Bumiputera khususnya pelajar Melayu perlu memberi tumpuan kepada usaha mempertingkatkan pencapaian mereka, bukan meminta kerajaan mempertahankan kuota kemasukan itu.

"Mengapa hanya mahu hadkan kemasukan kepada hanya 55 peratus," katanya menjawab soalan pada sesi dialog bersama kira-kira 2,000 pemimpin mahasiswa pada Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa Di Alaf Baru di Auditorium Perdanasiswa, Universiti Malaya di sini, hari ini.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, beliau sedih dan malu dengan pencapaian pelajar Bumiputera yang amat rendah sehingga terpaksa bergantung kepada kuota untuk mendapat tempat di IPTA.

Malah, kata Dr Mahathir berkata, kerajaan terpaksa menurunkan tahap kelulusan kemasukan ke IPTA supaya bilangan pelajar Bumiputera yang layak mencukupi bagi memenuhi kuota itu.

"Jika mengikut merit hanya di antara 20 dan 25 peratus pelajar Bumiputera yang layak memasuki IPTA. Justeru untuk 30 peratus lagi kerajaan terpaksa menurunkan tahap kelulusan," katanya.

Menjawab soalan wakil pelajar Kolej Tunku Abdul Rahman Rahman yang mahu kerajaan turut mengambil berat soal pendidikan pelajar Cina, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak pernah mengabaikan kepentingan kaum lain.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerajaan perlu memberi tumpuan terhadap pelajar Bumiputera yang jauh ketinggalan berbanding pelajar bukan Bumiputera.

"Dalam apa-apa saja bantuan yang diberikan, kita beri kepada mereka yang lemah dan ketinggalan," katanya sambil menambah jurang bilangan pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera di peringkat universiti amat luas.

Perdana Menteri berkata, jika diambil kira kemasukan pelajar di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dan universiti luar negara, nisbah pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera di universiti adalah 25:75.

Justeru, kata Dr Mahathir, kedudukan pelajar bukan Bumiputera khususnya pelajar Cina tidak terjejas seperti yang disangkakan walaupun kerajaan melaksanakan sistem kuota kemasukan ke IPTA.

Malah, katanya, pelajar Cina kini lebih beruntung kerana mereka lebih mampu melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi apabila kerajaan membenarkan penubuhan IPTS dalam negara.

"Dulu ibu bapa mereka terpaksa mengeluarkan belanja yang besar untuk menghantar mereka belajar di luar negara," katanya.

(END)